

# Mencari for

UM 18 MAR 2002

Oleh HISHAMUDDIN TUN HUSSEIN

**H**UBUNGAN Singapura dan Malaysia sekali lagi menjadi hangat ekoran tersiernya aktiviti penambakan laut yang dilakukan oleh negara jiran tersebut. Biarpun Malaysia mempunyai beberapa negara jiran yang lain dalam rantau Asia Tenggara, namun masalah sering timbul dengan Singapura.

Masalah yang timbul pula melibatkan aspek kehidupan yang sangat luas, bermula daripada masalah perkauman, ketenteraan, bekalan air, sistem penerbangan, pasaran saham sehinggalah isu remeh-temeh yang membabitkan gelar-menggelar di antara satu pihak dengan pihak yang lain.

Apakah yang menyukarkan sangat hubungan kita dengan Singapura? Apakah hubungan sejarah yang rapat antara kedua-dua negara merupakan satu beban yang berat sehingga setiap generasi perlu menanggungnya.

Lee Kuan Yew, mengatakan bahawa masalah Singapura-Malaysia bukanlah sekadar beban sejarah, malah punca berulangnya masalah dalam hubungan Singapura-Malaysia keseluruhannya adalah disebabkan pendekatan yang berbeza kepada permasalahan yang dihadapi masyarakat pelbagai kaum kedua-dua negara.

Seorang menteri Singapura pula menyimpulkan masalah ini timbul kerana rakyat Singapura mempunyai gambaran yang agak ketinggalan mengenai Malaysia, manakala rakyat Malaysia pula mempunyai gambaran yang tidak diperbaharui mengenai Singapura.

Singapura mungkin masih dilihat sebagai negara orang Cina dan Malaysia pula sebagai negara orang Melayu. Mungkin dari segi budaya, Malaysia masih dilihat oleh orang Singapura sebagai masyarakat yang terperangkap dalam kemelayuan kuno dan masih terikat kepada nilai kejiranan hasil daripada hubungan sejarah. Sebaliknya Singapura pula dilihat terlampau *American*, terlalu *legalistic* dan tidak sensitif sehingga mengganggu persahabatan dengan jiran.

Di sebalik mengakui kebenaran pendapat kedua-dua mereka, kita terpaksa juga mengakui hakikat kebimbangan Singapura, bahawa teras kejayaan mereka tidak kukuh, mudah ditiru dan menyebabkan mereka boleh kehilangan daya saing serantau. Dalam hal ini Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pernah mengingatkan dalam *Dilema Melayu* bahawa dari segi ekonomi, kemajuan dan kemakmuran Singapura terpaksa bergantung kepada jiran-jirannya termasuklah

kerugian yang dialami oleh jirannya.

Hal ini bukanlah melibatkan Malaysia sahaja malah Indonesia. Bekas Presiden Republik Indonesia, BJ Habibie pernah dipetik oleh akhbar Asia *Wall Street Journal* sebagai berkata, bahawa Singapura 'bukan kawan semasa susah' tidak lama dulu.

Bolehlah dikatakan perbezaan pandangan dunia dan budaya menyukarkan kita untuk memahami satu sama lain selain pendekatan yang digunakan dalam menangani sesuatu isu. Bagaimanapun itu bukanlah alasan untuk menyeret semua masalah, tanpa mengira peringkatnya ke dalam satu pakej rundingan sehingga menyulitkan hubungan dua hala di antara kedua-dua negara.

Pemuda UMNO, dalam hal ini berhasrat agar setiap lapisan masyarakat kedua-dua negara mempertimbangkan bentuk baru hubungan masa depan kita.

## Memahami

Bentuk baru hubungan ini perlulah diasaskan di atas dasar saling memahami antara satu sama lain, dan hubungan ini perlulah adil. Singapura yang dahulu adalah berbeza dengan yang sekarang. Begitu juga dengan Malaysia. Perlu ada keinginan untuk cuba memahami pemikiran dan budaya kedua-dua bangsa Malaysia dan bangsa Singapura.

Hubungan Malaysia dengan Singapura tidaklah boleh diklasifikasikan sebagai hubungan abang dan adik. Perbezaan perspektif menyebabkan perkara yang tidak sepatutnya menjadi isu, telah menjadi isu hanya akibat istilah ini. Dalam masyarakat Melayu, 'abang' mungkin terpaksa banyak mengalah, dan ada kemungkinan kedudukan ini tidak sama dengan kedudukan *tai ko* (abang besar) mengikut perspektif rakyat Singapura.

Tentulah sukar bagi rakyat Singapura untuk melihat Malaysia sebagai abang besar yang suka mengarah, sebaliknya rakyat Malaysia sukar menerima sikap adik yang menyebabkan mereka sentiasa terpaksa beralah. Dengan itu hubungan Singapura dan Malaysia perlu dilihat sebagai hubungan di antara dua buah negara yang merdeka dan berdaulat.

Bentuk hubungan baru ini juga perlu mampu memisahkan antara isu yang perlu diselesaikan pada peringkat rakyat dengan isu yang perlu diputuskan oleh kerajaan kedua-dua negara.

Janganlah sampai perkara yang melibatkan gelar-menggelar oleh orang tertentu, menyebabkan kerajaan diheret sama. Tidak ada salahnya bagi rakyat kedua-dua negara untuk tegur-menegur di antara satu sama lain atas dasar keji-

# mula baru

ranan. Bagaimanapun janganlah sampai teguran itu menyakitkan hati, menjatuhkan maruah dan memburukkan lagi keadaan. Ini bukanlah amalan kejiaran yang baik yang berpunca daripada sikap tidak peduli untuk memahami satu sama lain.

Pemimpin kerajaan kedua-dua negara perlu berhati-hati dalam hal ini. Lebih wajar bagi pemimpin kerajaan kedua-dua negara menenangkan rakyat masing-masing daripada terlibat sama mencipta provokasi baru.

Akhirnya, bentuk hubungan baru ini perlulah bersandarkan kepada etika kejiaran yang baik. Kita tidak boleh menafikan, kadangkala apa yang kita lakukan mungkin mendatangkan kesan buruk kepada jiran kita, walaupun kita melakukannya dalam sempadan sendiri.

Tidaklah wajar bagi kita memasang radio dengan kuat di tengah malam biarpun radio tersebut dipasang di dalam rumah kita sendiri. Tindakan kita itu tentunya akan mengganggu jiran-jiran dan anak mereka yang sedang tidur.

Beberapa tahun yang lepas kita telah berhadapan dengan masalah jerebu yang teruk hanya kerana ada negara jiran tidak mengawal pembakaran terbuka. Kesan pembakaran tetap dirasakan biarpun kejadian itu berlaku jauh dari sini. Atas sebab yang sama, tentunya Pemuda UMNO berasa gelisah apabila kerja penambakan laut mula mengganggu bukan sahaja ekologi malah aktiviti perkapalan di dalam perairan kita.

Dalam menangani permasalahan di antara kedua-dua negara, Pemuda UMNO mahu bersikap profesional. Sebarang pandangan daripada Pemuda UMNO merupakan pandangan yang datang dari sayap sebuah parti politik, bukannya mewakili pandangan negara. Pandangan yang diberikan hanyalah bersifat pendapat, dengan rasa hormat tentang hak Singapura melaksanakan polisi dalamannya.

## Menilai

Dalam isu tudung, contohnya, Pemuda UMNO telah melahirkan keprihatinan berdasarkan pengalaman Malaysia menangani masalah pelbagai agama dan kaum. Pemuda UMNO tidak sekali-kali berhasrat mencampuri urusan dalam Singapura. Terpulanglah kepada Singapura untuk menilai sama ada pengalaman Malaysia merupakan sesuatu yang berguna atau sebaliknya dalam melaksanakan polisinya.

Sebarang pandangan dan teguran yang dibuat oleh Pemuda UMNO akan berlandaskan fakta dan bukannya emosi

atau retorik kosong. Pandangan tersebut akan dibuat dengan penuh adab dan etika yang sesuai sebagai rakyat negara berjiran.

Pemuda UMNO tidak percaya bahawa kecam-mengecam, demonstrasi dan ugutan boleh meleraikan sebarang kekusutan. Jalan yang lebih baik adalah melalui perbincangan tertutup.

Dalam isu bekalan air, misalnya, Pemuda UMNO mengetahui bahawa penduduk Singapura menggunakan 1.2 juta meter padu air setiap hari. Institut Pertahanan dan Kajian Strategik, Universiti Teknologi Nanyang melaporkan Singapura mempunyai 14 pusat takungan air yang mampu membekalkan air sebanyak 140 juta meter padu air. Di samping itu terdapat kolam takungan hujan yang boleh mengumpul 680,000 meter padu air sehari. Singapura juga telah mempunyai loji penulenan air selain loji kitar semula yang bakal memenuhi keperluan air rakyat Singapura.

Oleh itu, Pemuda UMNO berpendapat Singapura sudah boleh mengurangkan pergantungannya terhadap Malaysia tanpa menunggu sehingga 2061. Sekiranya Singapura berhasrat untuk terus membeli air dari Malaysia, Singapura lebih daripada mampu untuk membayar pada harga yang berpatutan. Adalah sangat tidak adil bagi Singapura untuk melambatkan penyelesaian isu ini.

Bagaimanapun, sekali lagi, terpulanglah kepada pemimpin kedua-dua negara untuk berbincang bagi mendapatkan penyelesaian terbaik. Mencampurkan isu ini dengan isu yang lain sedikit sebanyak akan lebih mengeruhkan keadaan.

Pendirian Pemuda UMNO adalah sangat jelas dalam merangka bentuk hubungan baru dengan Singapura. Ia perlu bermula dengan keinginan untuk saling memahami pandangan dunia dan budaya di antara satu sama lain. Segala yang lain selepas itu hanyalah manifestasi yang tercetus daripada persefahaman sedia ada.

Pemuda UMNO menyambut baik kenyataan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Perdana Menteri Goh Chok Tong, bahawa masa depan hubungan dua hala akan ditentukan oleh generasi baru, yang sebenarnya tidak mempunyai susur-galur sejarah bersama yang kompleks. Sudah sampai masanya generasi muda kedua-dua negara dipersiapkan untuk tujuan murni itu.

● **DATUK Hishammuddin Tun Hussein, Ketua Pergerakan Pemuda UMNO**